

11.3.2022

Siaran Media 1

PROJEK RM20 JUTA DILAKSANAKAN BAGI MENINGKATKAN PERKHIDMATAN BEKALAN AIR DI SEBERANG PERAI SELATAN

- **Loji DAF (rawatan air) Bukit Panchor baharu bernilai RM20 juta disasarkan untuk pengoperasian pada bulan Ogos 2023. Ia akan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di SPS sebanyak maksimum 10 juta liter sehari (JLH).**

PULAU PINANG, Sabtu, 11.3.2022: Projek bekalan air bernilai RM20 juta dilaksanakan di Bukit Panchor bagi menangani isu bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS).

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) membina loji rawatan air *Dissolved Air Flootation* (DAF) baharu di premis Loji Rawatan Air Bukit Panchor sedia ada. Loji DAF ini akan mempunyai kapasiti reka bentuk maksimum 10 juta liter sehari (JLH). Kerja-kerja telah bermula dari 8.12.2022 dan dijadualkan siap pada Ogos 2023.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow mengetuai majlis pecah tanah projek dan meninjau kemajuan kerja hari ini bersama YB Zairil Khir Johari. Mereka diberi taklimat di lokasi oleh Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. Pathmanathan K.

YAB Tuan Chow berkata Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah diarahkan untuk melaksanakan lebih banyak projek bekalan air bagi memenuhi permintaan air yang lebih tinggi dan menangani isu bekalan air di SPS.

“Difahamkan, PBAPP mempunyai kekangan operasi dan bajet. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat mengutamakan kebangkitan sosioekonomi pasca pandemik supaya kita dapat mencapai matlamat visi Penang2030 kita,” kata beliau.

“Kecukupan bekalan air adalah satu keperluan yang tidak boleh dirunding untuk kemajuan sosioekonomi Pulau Pinang pada masa hadapan. Tanpa bekalan air yang mencukupi, kita tidak boleh menjadi negeri hijau dan pintar yang berfokuskan keluarga yang memberi inspirasi kepada negara.

“Kita mesti sentiasa memastikan bahawa kita mempunyai air yang mencukupi untuk mencapai masa depan yang lebih cerah,” tambah beliau.

Projek Bekalan Air Utama di Seberang Perai sejak 2020

YAB Tuan Chow berkata PBAPP telah melabur RM11.5 juta pada 2020 dan 2021 untuk menaik taraf Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai. LRA Sungai Dua adalah LRA terbesar Pulau Pinang dan ia membekalkan 63.37% daripada jumlah air terawat yang dihasilkan ke Seberang Perai setiap hari. Pada Januari dan Februari 2023, loji ini menghasilkan purata 1,008 JLH air terawat berbanding 909 JLH pada tahun 2019 (sebelum pandemik).

Pada Januari 2023, PBAPP turut memulakan operasi Rumah Pam Permatang Tinggi bernilai RM1.2 juta di SPS.

“Hari ini, saya berbesar hati melihat pembinaan loji DAF Bukit Panchor baharu bernilai RM20 juta di SPS berjalan mengikut dijadualkan,” katanya.

“Oleh itu, boleh dikatakan PBAPP kini telah melabur sejumlah lebih RM30 juta dalam 3 projek utama sejak 3 tahun lalu untuk menaik taraf infrastruktur bekalan airnya di Seberang Perai. Projek-projek ini juga sepatutnya membantu mengurangkan isu bekalan air di SPS.

“Saya menggesa PBAPP untuk terus melaksanakan projek bekalan air yang rasional bagi menangani keperluan bekalan air rakyat Pulau Pinang. Jangan hentikan usaha ini sehingga kita mencapai kecukupan bekalan air menjelang 2030,” kata YAB Tuan Chow.

YAB Tuan Chow berkata, data PBAPP menunjukkan penggunaan air harian di Pulau Pinang melonjak sebanyak 10.4% dalam tempoh 3 tahun, daripada 843 JLH pada 2019 kepada 931 JLH pada Mei 2022.

“Peningkatan 10.4% dalam penggunaan air untuk hanya dalam tempoh 4 tahun tidak pernah berlaku sebelum ini dalam sejarah bekalan air di Pulau Pinang sebelum ini. Dalam tempoh 9 tahun sebelumnya, penggunaan meningkat hanya 7.8%, daripada 782 JLH pada 2010 kepada 843 JLH pada 2019,” katanya. “Disebabkan permintaan air yang luar biasa tinggi di Seberang Perai, kita menghadapi isu bekalan air yang terputus-putus di beberapa kawasan tanah tinggi dan hujung paip agihan di SPS.”

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my